



TEKS UCAPAN

YS PPjB Ts. FARHAN SUFYAN BIN BORHAN
PENGARAH JBPM NEGERI KELANTAN
.....

SEMPENA

PROGRAM BICARA GOVERNANS, INTEGRITI DAN
ANTI RASUAH (BiGIAR) TAHUN 2025

PADA

5 JUN 2025 (KHAMIS)

8.30 PAGI

DI

KOMPLEKS JABATAN KEBUDAYAAN DAN
KESENIAN NEGARA KELANTAN, KOTA BHARU

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih, saudara/saudari pengacara majlis.

Yang Dihormati ,

CP Datuk Hj. Mohd. Yusoff Bin Mamat

Ketua Polis Kelantan

Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kelantan.

Yang Amat Setia,

Dato' Ts. Nor Hisham Bin Mohammad

Ketua Pengarah,

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.

Yang Dihormati,

Dato' Mohd Shafie Harun

Ketua Bahagian Koordinasi Wilayah Dan Negeri,

Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia

Merangkap ahli panel 1.

Yang Dihormati,

Tuan Zakaria Bin Taib

Timbalan Pengarah,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Kelantan.

Merangkap ahli panel 2.

Yang Dihormati,

Puan Norhayati Binti Nordin

Ketua Pegawai Eksekutif, Rasuah Busters

Merangkap moderator program pada hari ini

Yang Dihormati,

Tuan Haji Jasri Bin Kasim

Pengarah,

Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan

Yang Dihormati,

YS PKPjB Mohd Razam Bin Taja Rahim

Pengarah,

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Pahang.

Yang Dihormati,

YS PPjB Nor Mahathir Bin Muhamad

Pengarah,

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Terengganu.

Yang Dihormati,

YS PPjB Ts. Dr Ahmad Faiz Bin Tharima@Zainuddin

Komandan,

Akademi Bomba Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Terengganu.

Yang Dihormati,

Haji Harif Bin Ghazali

Pengarah Bahagian Sumber Manusia,

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Dihormati,

Nurhazirah Tasnim Binti Kamaruddin

Unit Integriti Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Kelantan.

Tetamu-tetamu Jemputan, Rakan-rakan Kolaborasi Strategik.

Rakan-rakan Media, Dato'-Dato, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati
sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra, Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat
dan kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang mulia
ini bersempena Program **“Bicara Governans, Integriti dan Anti-Rasuah”**
atau BiGIAR tahun 2025. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi
penghargaan kepada semua pihak yang hadir. Kehadiran tuan-tuan dan
puan-puan pada hari ini jelas mencerminkan kesungguhan kita semua untuk
memperkukuhkan nilai-nilai integriti dan amanah dalam perkhidmatan awam.

Untuk makluman Program Bicara Governans, Integriti Dan Anti Rasuah (BiGIAR) merupakan program pengukuhan integriti tahunan yang dianjurkan oleh Unit Integriti Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama pelbagai pihak. Sasaran peserta untuk program ini terdiri dari Jabatan dan Agensi Beruniform, Pejabat SUK Kerajaan-Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan Dari 3 Buah Negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Selamat datang saya ucapkan kepada semua yang hadir ke Negeri Kelantan,

Sebut Kato Negeri Kelate, Tanah Rendoh Sekebun Bungo..

Tempat Molek Sereto Come, Penuh Dengan Seni Budaya.

Hadirin yang saya muliakan,

Program ini amat bertepatan dengan situasi dan keperluan semasa, lebih-lebih lagi apabila kita berada di ambang sambutan Hari Raya Aidiladha, hari yang penuh dengan pengajaran tentang keikhlasan, pengorbanan, dan kepatuhan kepada Allah SWT. Seperti mana semangat Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS dalam memenuhi perintah Allah, kita juga harus menunjukkan keikhlasan yang serupa dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab kita kepada masyarakat dan negara.

Izinkan saya memulakan ucapan aluan saya dengan memetik kata kata dari *Warren Buffet*, seorang ahli perniagaan dan dermawan dari Amerika Syarikat:

Lihat 3 perkara dalam seseorang individu:

Intelligence, Energy & Integrity.

If They Don't Have The Last One, Don't Even Bother With The First Two.

Merujuk kepada kata kata tersebut jelas beliau amat menitikberatkan elemen integriti dalam diri individu dan kita sebagai penjawat awam memikul beban amanah yang besar. Integriti bukan sahaja melibatkan soal undang-undang tetapi juga soal kepercayaan yang diberikan oleh rakyat. Oleh itu, program yang diadakan pada hari ini diharapkan dapat memperkukuhkan tekad kita semua untuk terus menolak sebarang bentuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Dalam hal ini, elemen governans yang baik dan nilai integriti yang tinggi harus menjadi teras utama kepada setiap tindakan dan keputusan yang diambil. Program ini akan menjadi platform untuk kita bersama-sama mendalami isu-isu berkaitan integriti serta mencari jalan untuk memerangi gejala rasuah yang mampu menggugat kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan.

Hadirin yang saya muliakan,

Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan nyawa, harta benda dan alam sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa berusaha untuk mengekalkan tahap integriti yang tinggi dalam setiap aspek perkhidmatan. Kami percaya bahawa nilai integriti yang kukuh akan menguatkan lagi kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang kami sediakan. Begitu juga dengan semua pihak yang berada di dalam dewan ini seharusnya mempunyai tekad yang sama. Jika

imej perkhidmatan awam tercalar akibat pelbagai salah laku dan rasuah, kepercayaan dan keyakinan terhadap kerajaan juga akan menurun. Rasuah umpama kanser dalam pembangunan sesebuah negara. Ia merosakkan sistem pentadbiran, menghakis kepercayaan rakyat dan menjejaskan reputasi di peringkat antarabangsa. Dalam negara mahupun ketika lawatan kerja di luar negara, Perdana Menteri – Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lekang membangkitkan ketegasan kerajaan dalam membanteras rasuah. Untuk menangani cabaran ini, Malaysia telah menetapkan sasaran berani melalui MISI #25CPI, iaitu mencapai kedudukan 25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perceptions Index* - CPI) menjelang tahun 2033. Untuk memastikan MISI #25CPI ini berjaya, Kerajaan telah memperkenalkan pendekatan 'SELURUH MALAYSIA' yang menuntut kerjasama aktif daripada kerajaan, rakyat, sektor swasta dan masyarakat sivil. Pendekatan ini seiring dengan dengan aspirasi MALAYSIA MADANI, yang menekankan nilai-nilai kemanusiaan, akauntabiliti dan kemampanan dalam pembangunan negara.

Saya pasti barisan panel dan moderator pada hari ini bukan calang- calang, dapatkan inspirasi, buka minda dan rasai sendiri aura diskusi dari mereka. berbekalkan ilmu, pengalaman dan penyampaian dari mereka diharapkan mampu mencetuskan semangat serta perubahan baru dalam diri kita semua. Saya percaya program pada hari ini mampu menjadi pemangkin kepada perubahan positif dalam organisasi kita semua. Marilah kita bersama-sama membina sebuah budaya kerja yang telus, berintegriti, dan bebas daripada sebarang elemen yang boleh mencemarkan nama baik organisasi dan perkhidmatan awam. Saya juga yakin bahawa melalui perkongsian ilmu dan pengalaman yang akan disampaikan dalam program ini, kita akan dapat menggariskan strategi yang lebih berkesan untuk membanteras gejala

rasuah. Semoga program ini menjadi satu lagi langkah ke arah mencapai aspirasi kita untuk menjadi sebuah negara yang bebas rasuah dan memiliki pentadbiran yang cekap, telus, dan berintegriti. Dalam semangat MALAYSIA MADANI, kita juga perlu mengutamakan nilai-nilai kemanusiaan, integriti dan keadilan untuk memastikan masa depan yang lebih cerah dan menjadikan negara kita Malaysia bersih untuk generasi akan datang.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini. Semoga program ini dapat memberikan manfaat yang besar kepada kita semua. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua yang bakal meraikannya. Semoga semangat pengorbanan yang kita hayati esok akan terus menjadi inspirasi kepada kita untuk berbakti dengan penuh ikhlas.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.

[PERUTUSAN TAMAT]